

24/09/2003

60 pelumba sahut cabaran superbike lasak

Zairee Zahir

PERLUMBAAN Superbike lasak PanGlobal Insurance Enduro 3 yang akan berlangsung di Litar Sepang buat julung kalinya Ahad ini, menarik penyertaan lebih 60 penunggang daripada 20 pasukan setakat ini.

Dengan penyertaan yang terbuka kepada penunggang tempatan dan luar negara, perlumbaan yang membabitkan tiga penunggang dalam setiap pasukan itu dijangka berlangsung sengit, lebih-lebih lagi apabila sebahagian besar peserta dalam siri kejuaraan Superbike Malaysia Super Series (MSS) turut beraksi.

Pengarah Eksekutif PanGlobal Berhad, Jeffrey Wong berkata, kesempatan menyertai perlumbaan lasak ini bakal menguji ketahanan jentera serta persefahaman dan kerjasama antara penunggang untuk mencatat jumlah pusingan tertinggi dalam tempoh tiga jam perlumbaan di Litar Sepang Utara.

"Dengan kategori penyertaan dibuka kepada Terbuka dan Novis, pasukan yang dapat mengumpul jumlah pusingan tertinggi diisytiharkan pemenang. Tetapi perlu diingat, setiap pasukan perlu bijak mencatur tunggangan kerana setiap penunggang hanya dibenarkan berada di dalam litar selama 30 minit dan tidak dibenarkan menunggang melebihi dua kali.

"Mereka juga perlu mengambil kira faktor cuaca dan ketahanan tayar Pirelli yang digunakan kerana setiap motosikal dibekalkan satu set tayar saja dan tidak dibenarkan menggunakan tayar baru," katanya dalam sidang media di Petaling Jaya, semalam.

Perlumbaan lasak Superbike adalah sesuatu yang baru di negara ini. Selepas sesi kelayakan kira-kira jam 10 pagi, perlumbaan dijadual bermula jam 1 tengah hari dengan mengikut format permulaan perlumbaan lasak Le Mans di mana setiap penunggang terpaksa berlari ke arah motosikal masing-masing, bukan mengikut petak grid.

Di majlis itu juga, Jeffrey bagi pihak PanGlobal Insurance menandatangani perjanjian persefahaman dengan Sepang International Circuit (SIC) yang diwakili Pengurus Besar, Ahmad Mustafa.

Untuk memeriahkan perlumbaan sempena Minggu Grand Prix Malaysia itu, penganjur turut mengadakan perarakan konvoi motosikal dari Dataran Kemerdekaan di Shah Alam ke Litar Sepang dengan tema 'Tanda Terima Kasih Kepada Dr Mahathir'.

Dengan lebih 2,000 motosikal pelbagai jenis dan kuasa dijangka mengambil bahagian, Jeffrey berharap konvoi yang turut disertai artis wanita Deanna Yusuf itu dapat mencipta rekod baru 'Buku Rekod Malaysia'.

Sementara itu, Ahmad dalam ucapannya berkata, SIC mengalu-alukan penganjuran motosikal lasak seperti itu untuk memeriahkan industri sukan permotoran di negara ini, selain menyemarakkan minat penonton tempatan untuk menyaksikan perlumbaan Grand Prix Malaysia 2003, 10-12 Oktober depan.